

RABU • 06.05.2015

# HELLO KAMPUS



SEBAHAGIAN mahasiswa tahun akhir Sarjana Muda Syariah dan Undang-Undang USIM bergambar berlatar belakangkan Fortaleza de Monte pada siri jelajah Hong Kong dan Macau, baru-baru ini.

## Pelajar USIM 'teroka' struktur perundangan Hong Kong

Oleh **AINOL AMRIZ ISMAIL**  
 pengarang@utusan.com.my

**SEREMBAN 5 Mei** - Mahasiswa tahun akhir Sarjana Muda Syariah dan Undang-Undang (SMSU), Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) telah mengadakan siri jelajah di Hong Kong, baru-baru ini.

Pengarah program, Ahmad Shaher Mohd. Fuad berkata, kembara ilmiah undang-undang itu bertujuan memberi peluang kepada mahasiswa membentangkan kertas kerja berkaitan pengajian itu di beberapa buah universiti di negara tersebut.

Program itu dibantu pensyarah kanan fakulti, Dr. Muhd. Hazmi Muhd. Rusli.

"Mahasiswa telah membentangkan kertas kerja masing-masing di dua universiti iaitu University of Hong Kong dan City University of Hong Kong," katanya di Nilai, dekat sini hari ini.

Katanya lagi, mahasiswa telah mendapat pelbagai manfaat daripada pengembaraan tersebut dengan meneladani gaya hidup serta cara berfikir masyarakat Hong Kong yang serba berdisiplin.

"Kita dapat menjalinkan hubungan antarabangsa dengan universiti

di Hong Kong, di samping menjelajah banyak kawasan sekitar yang mempunyai nilai sejarah tersendiri.

"Hong Kong adalah satu wilayah yang unik di bawah pentadbiran negara kuasa besar dunia, China.

"Wilayah ini mendapat kuasa autonomi tertinggi dari Tanah Besar China dalam urusan pentadbiran setelah Ratu Elizabeth memulangkan kembali Hong Kong kepada China pada 1 Julai 1997 serta terkenal dengan gelaran *Fragrant Harbour* (Perlabuhan Harum)," ujarnya.

Tambah Ahmad Shaher, kembara berkonsepkan undang-undang ini telah memberi pendedahan kepada mahasiswa untuk lebih menghargai proses dan aplikasi undang-undang di negara ini serta Hong Kong yang hampir sama hasil daripada penjajahan British.

Beliau juga menyimpulkan bahawa undang-undang Hong Kong boleh dikatakan bersifat *Unity in Diversity* (kesatuan dalam kepelbagaian).

Dalam masa sama juga, mahasiswa berpeluang melihat struktur binaan, peninggalan sejarah dan kepelbagaian warisan di negara itu.

Antaranya, salah satu binaan yang menjadi perhatian pelancong ialah 1881 Heritage di daerah Tsim

Sha Tsui.

"Bangunan yang dibina oleh British itu pernah digunakan suatu ketika dahulu sebagai Ibu Pejabat Pentadbiran British dan markas Polis Marin Hong Kong. Lokasinya yang berdekatan dengan laut dan dilengkapi alatan mengukur kelajuan angin membuatkan bangunan itu menjadi salah satu monumen yang sangat penting dan strategik untuk dilawati," jelasnya.

Turut dilawati ialah sebuah lagi wilayah bersatus autonomi tertinggi China iaitu Macau.

"Macau yang terkenal sebagai kota kasino telah diserahkan kembali kepada China oleh Portugal pada lewat 1999, iaitu dua tahun selepas pengembalian Hong Kong oleh British kepada China.

"Fortaleza de Monte, merupakan salah satu lokasi bersejarah di Macau yang menempatkan sebuah kubu tentera Portugis di atas bukit yang dibina seawal 1600-an.

"Jika dilihat lebih dekat, pembinaannya seakan kota A'famosa di Melaka telah menjadi lambang tiga objektif utama askar Portugis iaitu *Glory, Gold and Gospel*. Kawasan ini juga telah digazetkan sebagai salah satu tapak warisan Unesco," katanya.